



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS ANUGERAH SYARIKAT HARMONI 2025 SEMPENA
NATIONAL INDUSTRIAL HARMONY TRIPARTITE EVENT (IRNITE) 2025**

“MENCORAK KEHARMONIAN PERUSAHAAN MASA HADAPAN”

KUALA LUMPUR, 27 Mei 2025 – YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, hari ini telah menyempurnakan Majlis Anugerah Syarikat Harmoni 2025 sempena *National Industrial Harmony Tripartite Event (IRNITE) 2025* yang bertemakan "*Mencorak Keharmonian Perusahaan Masa Hadapan*". Majlis telah berlangsung dengan jayanya di Impiana Hotel Kuala Lumpur.

Anugerah yang diadakan buat julung kali ini dianjurkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang mengamalkan amalan terbaik dalam mewujudkan persekitaran syarikat yang kondusif dan harmoni. Pertandingan ini telah menarik minat 102 syarikat dari pelbagai sektor dan sebanyak 21 syarikat telah dipilih sebagai finalis bagi bersaing merebut Anugerah Syarikat Harmoni 2025.

Majlis turut menyaksikan pengumuman rasmi Skor *Industrial Harmony Index (IHI) Nasional 2024*, yang mana ia merupakan indeks pertama yang dibangunkan dalam Asia Tenggara bagi mengukur hubungan pekerja- majikan. Skor IHI Nasional 2024 mencatatkan tahap keharmonian perusahaan di Malaysia berada dalam kategori BAIK. Kajian ini melibatkan penyertaan tertinggi dalam sejarah pelaksanaannya dengan penglibatan seramai 33,729 jumlah responden daripada kalangan majikan dan pekerja, dan dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya menerusi sistem digital *Industrial Relations Information System (IRIS)* dan aplikasi IHI2GO.

Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan bahawa pengiktirafan Syarikat Harmoni ini sebagai satu penanda aras dan kelebihan daya saing dalam menarik pelabur dan tenaga kerja berkualiti, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Beliau turut menyeru semua pihak agar terus memperkukuh semangat tripartisme yang menjadi teras sistem perhubungan perusahaan negara yang mampan demi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial dalam kerangka Malaysia MADANI.

DISEDIAKAN OLEH:

**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

NO. TEL: (603) 8886 5460

EMEL: jppm@mohr.gov.my

LAMAN SESAWANG: <https://jpp.mohr.gov.my/>